

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor (*T1) bertaraf Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan memegang **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate) - Berstatus : PATUH** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T1/25/BM/JPPF/91/KI-Z1 : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Zon 1 (Bangunan Pusat Pengajian, Pentadbiran Dan Pencawang Elektrik) Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G3

T1/25/BM/JPPF/91/KI-Z2 : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Zon 2 (Bangunan Desasiswa) Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G2 (Pulau Pinang Sahaja)

T1/25/BM/JPPF/91/IPPT : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (IPPT), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G2 (Pulau Pinang Sahaja)

T2/25/BM/JPPF/91/KCT : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, Nibong Tebal, Pulau Pinang Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G3

Kelayakan : **Kategori** - **ME** (Mekanikal)
Pengkhususan - **M02** (Sistem Pencegahan & Perlindungan Kebakaran).

Tarikh & Tempat Taklimat / Lawatan Tapak : **T1/25/BM/JPPF/91/KI**
24 November 2025 (Isnin) , Jam 2.30 Petang
Dewan Kuliah T, Kompleks Dewan Kuliah G27, Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

T1/25/BM/JPPF/91/IPPT
24 November 2025 (Isnin), Jam 10.00 Pagi
Parkir Bas Seksyen Kejuruteraan IPPT, Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju, Universiti Sains Malaysia, Bertam, Kepala Batas, Pulau Pinang.

T2/25/BM/JPPF/91/KCT
25 November 2025 (Selasa), Jam 10.00 Pagi
Bilik Mesyuarat Profesional, Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, Nibong

Syarat Taklimat & Lawatan Tapak	: i) Petender DIWAJIBKAN menghadiri taklimat / lawatan tapak bersama dokumen berkaitan, menurunkan cap syarikat dan menandatangani borang kehadiran taklimat. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah memenuhi syarat taklimat / lawatan tapak sahaja. ii) Hanya penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat / lawatan tapak. iii) Syarikat tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.
Tarikh Tutup Tender	: 15 Disember 2025 (Isnin), Jam 12.00 Tengah Hari.
Tarikh Dokumen Dijual	: 24 November 2025 hingga 8 Disember 2025.
Harga Dokumen	: RM100.00 (Senaskah) dalam bentuk <i>softcopy</i> mengikut kampus & zon boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (https://epayment.usm.my/) dengan klik kepada perkhidmatan jualan borang tender .
Syarat Permohonan Dokumen Softcopy	: Petender wajib melengkapkan maklumat permohonan dan memastikan alamat emel syarikat yang didaftarkan masih aktif serta mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut: i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. (Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan). ii) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) . iii) Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate) .
Pautan Permohonan Dokumen Softcopy	: <u>T1/25/BM/JPPF/91/KI-Z1</u> https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T1/25/BM/JPPF/91/KI-Z1 <u>T1/25/BM/JPPF/91/KI-Z2</u> https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T1/25/BM/JPPF/91/KI-Z2 <u>T1/25/BM/JPPF/91/IPPT</u> https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T1/25/BM/JPPF/91/IPPT <u>T2/25/BM/JPPF/91/KCT</u> https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T2/25/BM/JPPF/91/KCT
Syarat Penghantaran Dokumen	: i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk hardcopy & softcopy (pendrive) yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri

ke dalam peti tawaran di **Seksyen Perolehan, Jabatan Bendahari, Bangunan C04, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang.**

- ii) Penghantaran melalui perkhidmatan Pos adalah tidak digalakkan. Sekiranya petender memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas empat (4) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak mengadakan rundingan dengan kesemua atau mana-mana petender yang dipilih dan berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**